

Nama Bank	KEMUDAHAN DI TAWARKAN							
	Kaunter	Internet	Telefon	ATM	TDC	MDT	Auto Debit	SMS
BIMB	❖	✓		✓	❖	❖	✓	✓
CIMB	❖	✓					✓	
Citibank		❖						
HSBC		✓	✓					
Maybank Berhad		✓	✓	✓				
MBF Cards		✓	✓				✓	
RHB Bank		✓		✓				
Ambank	❖	✓	✓	✓				
Alliance Bank	❖	✓						
Bank Rakyat	❖							
BSN	❖							
UOB Bank		❖						
Affin Bank		✓						
Public Bank		✓		✓				

❖ Terbuka untuk semua  
 ✓ Pemegang akaun bank berkaitan sahaja

### C. RISIKO JIKA TIDAK MEMBAYAR DALAM TEMPOH YANG DITETAPKAN

#### i. Borang E

Jika bayaran dibuat selepas 28 atau 29 Februari dan 31 Ogos, Notis (Borang E) akan dikeluarkan. Tunggakan perlu dijelaskan dalam masa 15 hari dan denda akan dikenakan sebanyak **RM 10.00** untuk setiap penggal.

#### ii. Waran Tahanan

Jika masih tiada bayaran diterima selepas Notis (Borang E), waran tahanan akan dikeluarkan dan kos waran tersebut adalah **RM 50.00**.

Waran ini memberi kuasa kepada pegawai MPSP untuk:

- Merampas (mensita) harta alih yang ada di premis
- Melelong bangunan / tanah melalui pendaftar pelelong yang dilantik oleh pihak Majlis

### D. BAYARAN SECARA ANSURAN

Bagi meringankan bebanan pemilik premis, Majlis membenarkan bayaran secara ansuran sebanyak empat (4) kali. Ansuran pertama mestilah separuh dari jumlah terhutang dan bakinya dibayar sebanyak 3 kali sahaja. Walau bagaimanapun, ianya bergantung kepada kelulusan pegawai yang bertanggungjawab.

### KEMUDAHAN MENYEMAK, MENCETAK DAN MEMBAYAR BIL CUKAI TAKSIRAN MELALUI INTERNET.

Laman Web MPSP [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my) membantu pembayar cukai untuk menyemak, mencetak bil-bil cukai taksiran dan membuat bayaran di rumah.

#### SEMAKAN, CETAKAN DAN BAYARAN ON-LINE

1. Masuk ke laman web MPSP di <http://www.mpsp.gov.my> Pilih butang Bil Cukai Taksiran dari senarai 'PERKHIDMATAN ONLINE'
2. Masukkan nombor akaun harta anda dan tekan butang CARI Cetak bil anda dengan memilih butang "Cetak bil setengah / satu tahun"
3. Pilih butang "Bayar bil setengah/ satu tahun" untuk bayaran
4. Pilih
  - a. Membayar Terus menggunakan :-
    - i. kad kredit (master atau visa)
    - ii. MEPS FPX
  - b. Nama bank untuk kemudahan lain

**Nota:** Pembayaran melalui cek, draf bank, kiriman wang atau wang pos hendaklah dipalang "Akaun Penerima Sahaja" dan nombor akaun harta dan nombor telefon pembayar hendaklah ditulis dibelakang dan dibayar kepada **MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI.**

### KEMAMPAAN ADALAH KOMITMEN KAMI (SUSTAINABILITY IS OUR COMMITMENT)

#### VISI

Menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan

#### MISI

Menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai

### UNTUK SEBERANG PERTANYAAN

#### SILA HUBUNGI :

### MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Tingkat 12, Jalan Perda Utama

Bandar Perda,

14000 Bukit Mertajam,

Pulau Pinang

**No. Tel:** 04-549 7555/6/7 **Fax:** 04-537 0758

[waran@mpsp.gov.my](mailto:waran@mpsp.gov.my)

Tarikh dikemaskini: Julai 2012



## MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI



### MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Jalan Perda Utama, Bandar Perda

14000 Bukit Mertajam

Tel:04-549 7555 Fax: 04-538 9700



[www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my)

## PENGENALAN JABATAN

Jabatan Perbendaharaan adalah jabatan yang menyelaraskan semua kutipan hasil dan segala perbelanjaan Majlis. Ianya terbahagi kepada tiga (3) bahagian dan tujuh (7) unit iaitu:-

- Bahagian Perbelanjaan
  - Unit Gaji & Belanjawan
  - Unit Bayaran
- Bahagian Hasil
  - Unit Operasi
  - Unit Billing
- Bahagian Akaun
  - Unit Akaun Terimaan
  - Unit Akaun
- Unit Pentadbiran

### FUNGSI

- Menyediakan Belanjawan Tahunan
- Memproses tuntutan bayaran
- Menyediakan pembayaran emolumen
- Memproses bil cukai taksiran
- Memproses dan merekod kutipan hasil
- Operasi mengutip tunggakan cukai
- Menyediakan Penyata Kewangan Tahunan

### TANGGUNGJAWAB

- Bertanggungjawab dalam kutipan hasil Majlis dan mengawal perbelanjaan Majlis.
- Memastikan sumber-sumber pendapatan Majlis dibelanjakan ke arah untuk meningkatkan kesejahteraan hidup pembayar cukai.
- Bertindak sebagai penasihat dalam hal-hal berkaitan kewangan.
- Berusaha dalam menambahkan lagi sumber hasil Majlis.

## PIAGAM PELANGGAN/ PERKHIDMATAN

Bil-bil cukai taksiran bangunan dan tanah akan dikeluarkan dalam bulan Januari bagi setengah tahun pertama dan bulan Julai bagi setengah tahun kedua tiap-tiap tahun.

Bayaran cukai taksiran yang diterima, adalah dikemaskini di paparan bil On-line seperti berikut:

Bayaran melalui kaunter ibu pejabat MPSP	Serta Merta
Bayaran melalui kaunter pejabat cawangan MPSP	Hari yang sama
Bayaran melalui laman web MPSP, agen bank, TM, TNB & POS	1 hari selepas transaksi
Bayaran melalui lain-lain agensi setempat	3 hari selepas transaksi

## PERUNDANGAN

Cukai Taksiran dikenakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (AKTA 171)

Jenis hartanah yang dikenakan cukai

- Rumah kediaman
- Harta perdagangan (kedai, kompleks, hotel dan sebagainya)
- Harta perindustrian (kilang, perlabuhan dan sebagainya)
- Tanah (kosong tanpa bangunan, pertanian, tanah yang diberi kelulusan untuk tatasusunan)

## PENGIRAAN CUKAI TAKSIRAN

Cukai taksiran dikira berdasarkan formula berikut:

Cukai Taksiran = Nilai Tahunan X Kadar (%)

a. Penentuan kadar (%)

Kadar (%) ditentukan berdasarkan keperluan Anggaran Belanjawan Majlis atau kos-kos yang ditanggung Majlis.

b. Penentuan Nilai Tahunan

Nilai Tahunan adalah anggaran nilai sewa kasar tahunan, dalam bentuk formula:

Nilai Tahunan = Anggaran Sewa Kasar Sebulan X 12 bulan

## BAYARAN BIL CUKAI TAKSIRAN

### A. TEMPOH BAYARAN :-

Setengah Tahun	Tempoh Pembayaran
Pertama	1hb Januari sehingga 28 @ 29 hb. Februari
Kedua	1hb Julai sehingga 31hb. Ogos

### B. LOKASI BAYARAN

#### 1. Kaunter Bayaran MPSP

Tempoh Operasi : 7.30 pagi - 5.30 petang  
( Isnin—Jumaat)

LOKASI	CARA BAYARAN
<b>Ibu pejabat MPSP</b>	Tunai Cek Draf Bank Wang Pos Kiriman Wang Kad Kredit (Master, Visa & JCB) Kad Debit
Jalan Perda Utama Bandar Perda 14000 Bukit Mertajam Tel: 04 - 5497555/ 6 / 7	
<b>Kaunter Butterworth</b>	
Jalan Kampung Jawa 12000 Butterworth Tel: 04 - 3105571	
<b>Cawangan Nibong Tebal</b>	
Kaunter Bhg. Hasil MPSP, Tingkat Bawah, Kompleks Pejabat Kerajaan, 14200 Sungai Jawi Tel: 04 - 582 4355	

#### 2. Agen Bank & Agen Bukan Bank

Cara bayaran - Tunai, Cek, Draf Bank, Wang Pos, Kiriman Wang

LOKASI BAYARAN	
TM Berhad	Seberang Perai sahaja
Tenaga Nasional Berhad	
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBA)	Seluruh Negeri Pulau Pinang
Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)	
PDC Setia Urus Sdn Berhad	
Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP)	
Pos Malaysia Berhad dan internet di <a href="http://www.posonline.com.my">www.posonline.com.my</a>	
Laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang di <a href="http://www.penang.gov.my">www.penang.gov.my</a>	Kredit kad Master & Visa juga MEPS FPX